TARIKH : 27 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

Subsidi bersasar RON95 ikut cc kenderaan dipertikai

Subsidi bersasar RON95 ikut cc kenderaan dipertikai

Kebanyakan kereta mewah turut guna kuasa kuda rendah boleh jejas pelaksanaan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemberian subsidi bersasar menggunakan data daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan melihat kepada kuasa kuda (cc) kenderaan dianggap sebagai kurang adil.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kewangan Islam Global (INCEIF), Prof Madya Dr Baharom Abdul Hamid, berkata pada masa ini kebanyakan kenderaan mewah turut menggunakan cc yang rendah.

"Kenderaan mewah seperti Mercedes, Mini Cooper dan sebagainya kini menggunakan cc lebih kecil, berbanding kereta digunakan mereka dalam kalangan B40 yang berkemungkinan membeli kereta terpakai seperti Nazaria yang kuasanya lebih tinggi iaitu 2.4cc. Jadi, bagaimana kita mahu ambil kira ketidakseragaman ini?

"Jika pemberian subsidi ini mahu dilaksanakan mengikut kuasa, cc itu sendiri tidak menggambarkan kemewahan.

"Kereta PERODUA Bezza dan Alza juga memiliki cc sudah mencecah 1.3 hingga 1.6.

"Bagaimana perkara ini dapat diatasi dan dikuatkuasakan. Pada pandangan saya, situasi ini sangat kompleks dan sukar untuk dilaksanakan. Kita perlu lihat ia dengan lebih menyeluruh.

"Bukan saja rumit, malah akan menggunakan kos lebih tinggi berbanding penjimatan oleh kerajaan," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, memaklumkan pangkalan data JPJ akan digunakan sebagai satu daripada elemen dalam pemberian subsidi bersasar membabitkan petrol RON95.

Baharom Abdul Hamid

Beliau berkata, itu antara yang dipersetujui pada mesyuarat kementeriannya bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Ekonomi, pada Jumaat lalu.

Salahuddin berkata, pangkalan data JPJ digunakan untuk subsidi petrol RON95 kerana kerajaan boleh mengenal pasti cc kenderaan golongan sasaran untuk subsidi petrol berkenaan.

Pelaksanaan di stesen minyak

Mengulas lanjut, Baharom turut mempersoalkan sekiranya ia dilaksanakan mengikut cc kenderaan, bagaimana pula pelaksanaannya di stesen minyak, sama ada akan diberikan kad khas atau sebaliknya.

"Bagaimana mahu bezakan kenderaan yang patut dapat RON95 atau RON97.

"Satu kenderaan lebih 1,000cc masuk ke stesen minyak dan satu lagi kenderaan 2,000 cc pula mahu mengisi minyak, adakah mereka ini akan mengisi minyak di pam dikhaskan?

"Saya tidak nampak lagi bagaimana cara pelaksanaan dapat dilakukan, isu subsidi minyak bersasar ini sudah banyak kali dibincangkan tetapi tidak dilaksanakan. Jika kita luluskan satu kerangka, pelaksanaannya pula akan menimbulkan kos.

"Jadi saya rasa pelaksanaan yang dilakukan kini perlu diteruskan saja, biar rakyat memilih mereka mahu mengisi minyak yang disubsidi iaitu RON95 atau tidak (RON97)," katanya.

Bagaimanapun, sekiranya kerajaan mahu melaksanakan subsidi kepada petroleum itu, Baharom menegaskan ia boleh dilakukan kepada kenderaan yang menggunakan nombor pendaftaran kebangsaan atau luar negara.

"Ini lebih mudah untuk dilaksanakan terutama di stesen minyak di kawasan sempadan seperti Johor, Kedah, Perlis mahupun Kelantan. Tanpa mengira cc kenderaan mereka, yang guna nombor pendaftaran luar kita minta mereka isi minyak yang tidak bersubsidi.

"Dengan melihat nombor pendaftaran saja kita sudah dapat bezakan. Apabila individu itu buat bayaran, pekerja stesen minyak akan lihat kepada nombor pendaftaran, jika nombor luar jangan bagi minyak bersubsidi.

"Ada pekerja lain di stesen minyak yang boleh pantau dan pastikan kenderaan ini tidak mengisi minyak RON95," katanya.

Susulan itu, Baharom berkata, kerajaan tidak wajar mengganggu pelaksanaan subsidi minyak sedia ada dan perlu memfokuskan kepada mekanisme atau subsidi lain saja.

"Bagaimana jika harga minyak turun kembali, apa kita perlu buat, adakah kita akan tarik balik kad diberikan," katanya.